

SIARAN MEDIA

Kuala Lumpur, 6 November 2014

Kelulusan SCR membuka jalan ke arah penyahsenaraian MAS, syarat terawal 12 perkara bawah Pelan Pemulihan MAS

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) mengalu-alukan kelulusan yang telah diperolehi daripada para pemegang saham Malaysian Airline System Berhad (“MAS”) bagi cadangan pelaksanaan pengurangan dan pembayaran balik modal secara terpilih (“SCR yang dicadangkan”), semasa Mesyuarat Agung Luar Biasa syarikat penerbangan tersebut, hari ini.

SCR yang dicadangkan, yang disasar dimuktamadkan pada Disember 2014, merupakan salah satu daripada 12 perkara utama bawah Pelan Pemulihan MAS yang diumumkan pada 29 Ogos lepas. Apabila dimuktamadkan kelak, Khazanah akan menjadi pemegang saham biasa tunggal MAS. Sejurus selepas itu, Khazanah akan menyahsenarai MAS daripada Pasaran Utama Bursa Securities.

Tamat

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi Mohd Raslan Md Sharif di talian +603 2034 0000 atau melalui e-mel di raslan.sharif@khazanah.com.my.

Tentang Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad adalah dana pelaburan strategik Kerajaan Malaysia yang diamanahkan untuk memegang dan menguruskan aset komersil Kerajaan dan menjalankan pelaburan strategik. Khazanah terlibat dalam pelbagai sektor seperti tenaga, telekomunikasi, perbankan, penjagaan kesihatan, pengurusan lapangan terbang, prasarana, riadah & pelancongan, pembangunan hartanah, penyiaran, pegangan pelaburan serta teknologi. Antara syarikat tersenarai utama di bawah portfolio pelaburan Khazanah adalah Telekom Malaysia Bhd., Tenaga Nasional Bhd., CIMB Group, Axiata Group Bhd., IHH Healthcare Bhd., Malaysia Airports Holdings Bhd dan UEM Sunrise Bhd. Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila layari www.khazanah.com.my